

Hubungan Interpersonal (Part 6)

Azizi Hj Yahaya

11. Faktor Cinta Dan Cemburu Yang Mempengaruhi Hubungan Interpersonal

a. *Cinta*

Cinta merupakan perasaan kasih sayang yang lahir dari hati seorang manusia kepada pencipta mahupun kepada sesama makhluk. Ia biasanya dikaitkan dengan cinta antara jantina berlawanan. Sebagai contoh, cinta suami kepada isteri atau sebaliknya dan cinta antara kekasih kepada kekasihnya. Cinta sering dikaitkan dengan perasaan ingin menyayangi dan ingin disayangi. Perasaan cinta ini lahir daripada keinginan semulajadi.

Menurut Robin (1973), cinta terbina daripada gabungan tiga komponen iaitu:

- i. mengambil berat, jaga perasaan dan kepuasan pihak satu lagi sebagai sama penting dengan diri sendiri
- ii. ikatan atau keinginan untuk bersama
- iii. keintiman yang melibatkan komunikasi yang rapat dan bersifat rahsia

Terdapat dua jenis cinta iaitu :

i. Cinta ghairah

Merupakan cinta yang dipengaruhi oleh perasaan yang kuat. Cinta ini adalah bersifat sementara kerana ia akan hilang setelah keperluan untuk bersama telah dipenuhi. Sebagai contoh, pasangan 'meresap masuk' ke dalam diri pasangannya dan saling merindui sehingga pasangannya dianggap sebagai segala-galanya dalam hidup.

ii. **Cinta suci**

Cinta jenis ini merupakan cinta yang lebih murni. Ia dikenali sebagai perasaan kasih sayang yang dialami oleh seseorang terhadap individu lain yang rapat dalam hidupnya. Ia memperlihatkan hubungan yang lebih panjang dan berkekalan. Contohnya, hubungan antara ahli keluarga dan persahabatan.

b. *Cemburu*

Cemburu merupakan ketakutan berpindahnya rasa kasih sayang terhadap orang lain atau ketidakpercayaan akan kesetiaan orang yang dicintai seperti suami, isteri ataupun kekasih. Perasaan cemburu juga boleh wujud dalam persahabatan atau antara adik-beradik seperti kakak dengan adik.

Perasaan cemburu ini dapat dikesan apabila seseorang itu mempunyai perasaan terhadap orang yang dicemburuinya. Ia adalah disebabkan oleh sikap 'possessive' seseorang terhadap pasangannya, di mana dalam dirinya ada satu pengakuan jelas bahawa pasangannya itu hanya untuk dirinya sahaja dan tidak boleh diambil atau dikongsi dengan orang lain.

Sifat terlampau cemburu atau 'cemburu buta' adalah amat tidak digalakkan kerana ia boleh menggugat hubungan sesebuah rumahtangga. Manakala ketiadaan langsung sifat cemburu pula membawa kepada akibat buruk kerana ia boleh menjadi punca pasangan 'mudah dikebas orang'.